



**TEKS UCAPAN YB DR. XAVIER JAYAKUMAR,
MENTERI AIR, TANAH & SUMBER ASLI**

**SEMPENA KEMPEN KONSERVASI AIR SPAN
BERSEMPENA SAMBUTAN HARI AIR SEDUNIA 2019
PETALING JAYA BOULEVARD
SELANGOR**

3 APRIL 2019

YANG BERBAHAGIA DATUK ZURINAH BINTI PAWANTEH,
Ketua Setiausaha, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS);

YANG BERBAHAGIA PUAN AZIZAH BINTI ARIFFIN,
Timbalan Ketua Setiausaha (Air dan Pembetungan);

YANG BEHORMAT PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH,
Ahli Parlimen, Petaling Jaya;

YANG BERHORMAT TUAN CHARLES SANTIAGO,
Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN);

YANG BERUSAHA ENCIK SUHAIMI BIN KAMARALZAMAN,
Ketua Pegawai Eksekutif, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd;

YANG BERUSAHA ENCIK FAIZAL BIN OTHMAN,
Ketua Pegawai Eksekutif, Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK);

YANG BERBAHAGIA DATUK INSINYUR ABDUL KADIR MOHD DIN,
Presiden, the Malaysian Water Association;

Ahli-ahli Suruhanjaya SPAN, Wakil-wakil daripada Majlis Bandaraya
Petaling Jaya,

Warga KATS, SPAN, JBA, IWK dan Air Selangor

Rakan-rakan media, seterusnya hadirin yang saya hormati,

Selamat pagi, Salam Sejahtera dan Salam Penjimatan Air.

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) kerana menjemput saya untuk hadir pada majlis pada pagi ini. Ini merupakan majlis sambutan Hari Air Sedunia 2019 yang kedua saya hadiri selepas sambutan di Peringkat Kebangsaan pada 23 Mac 2019 yang lalu, di Pantai Merdeka, Kedah.
2. Bezanya, pihak SPAN meletakkan aspek konservasi sebagai agenda utama sambutan Hari Air Sedunia peringkat SPAN dan saya yakin ianya bertepatan dengan agenda Kementerian di peringkat nasional iaitu mengurangkan penggunaan air per kapita dari **201 liter bagi setiap individu pada tahun 2017** kepada **180 liter** menjelang **akhir tahun hadapan**. Negara jiran kita di sebelah Selatan hanya menggunakan antara **140 – 150 liter** sahaja.
3. **Penjimatan sebanyak 21 liter** mungkin kedengaran tidak seberapa namun ianya merupakan sesuatu yang amat sukar untuk dicapai sekiranya setiap dari kita tidak mempunyai kesedaran dan tidak juga memainkan peranan untuk menggunakan air secara berhemah.

Hadirin sekalian,

4. Malaysia sedang berhadapan situasi cuaca panas luar biasa sejak dari awal tahun ini dan dijangka berterusan sehingga penghujung Mei 2019 menyebabkan paras sungai dan empangan yang makin merosot.

5. Lantaran dari fenomena tersebut, beberapa kawasan telah mengalami gangguan bekalan air. Di Kedah sahaja, lebih 30,000 pengguna di daerah Kuala Muda terjejas bekalan air. Manakala di Johor, lebih 150,000 pengguna turut berdepan dengan masalah bekalan air.
6. Selaras dengan itu, Kementerian melalui agensinya termasuk SPAN telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti menggerakkan bantuan dari rakan-rakan operator air termasuk dari Air Selangor untuk meringankan beban yang sedang dihadapi oleh penduduk di kawasan terjejas. Pelbagai perancangan projek turut direncanakan bersama kerajaan negeri Kedah bagi mencari penyelesaian jangka panjang untuk mengetasi masalah bekalan air di negeri tersebut dan ianya akan bermula pada tahun ini dan dijangka siap pada 2021.
7. Namun apa yang lebih penting untuk diberi penumpuan adalah **memperbetulkan persepsi umum berkenaan penggunaan air bersih**. Secanggih manapun teknologi yang kita ada atau sebanyak manapun jumlah air yang tersedia, ianya akan terbazir dan kita akan kembali kepada takuk lama iaitu kekal berhadapan masalah air sekiranya penghargaan terhadap sumber air masih rendah.

Hadirin sekalian,

8. Kesedaran untuk melakukan perubahan bermula dari saya dan anda iaitu warga Malaysia yang cintakan negara ini. Kita tidak seharusnya menunggu sehingga bekalan air menjadi kritikal untuk kita mula bertindak. Kita harus memulakannya lebih awal lagi dan belum terlambat untuk memulakannya hari ini di saat ini.

9. Saya juga dimaklumkan bahawa SPAN telah merancang untuk memperluaskan lagi kempen penjimatan air bersih melalui pertandingan video pendek yang terbuka kepada semua rakyat Malaysia. Ianya bertepatan dengan tema Hari Air Sedunia tahun ini iaitu '**leaving no one behind**'.
10. Marilah kita bersama-sama memulihara sumber air bersih yang ada dan jadilah warga yang bertanggungjawab. Jom jimat Air!. Maka saya dengan ini merasmikan kempen konservasi air anjuran SPAN dan pertandingan video pendek penjimatan air.

Sekian, terima kasih.